

KANDUNGAN:

MITI: GARIS PANDUAN BARU JAWATANKUASA PELABURAN ASING (FIC)	1
MIDA: PROGRAM OUTREACH MIDA	2
MATRADE: FROZEN FOOD MARKET IN THE NETHERLANDS	3-4
MIDE: MIDF MEMBANTU PRODUK DAN PERKHIDMATAN BUATAN MALAYSIA DIPASARKAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA	4
MPC: SEMINAR PENINGKATAN DAYA SAING USAHAWAN WANITA DAN MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM), DI SARAWAK	5
INSKEN: KONVENSYEN PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) PERINGKAT NASIONAL KE-13	6-7
BAHAGIAN PROMOSI (MITI PUTRAJAYA): SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI)	7-9
PROGRAM DAN AKTIVITI UNTUK BUMIPUTERA	10

GARISPANDUAN BARU JAWATANKUASA PELABURAN ASING (FIC)

- Pengumuman mengenai pemansuhan syarat pemilikan sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera bagi Tawaran Awal Pemulaan (IPO) di dalam Garis Panduan FIC telah dibuat oleh Y.A.B Perdana Menteri, Dato Seri' Najib Tun Abdul Razak pada 30 Jun 2009.
- Melalui Garis Panduan FIC yang baru, setiap syarikat yang ingin disenaraikan perlu menawarkan 50 peratus daripada 25 peratus tebaran pegangan saham awal (*public spread*) kepada pelabur Bumiputera yang diiktiraf oleh MITI.
- Perubahan Garis Panduan FIC adalah seperti berikut:

GARIS PANDUAN LAMA	GARIS PANDUAN BARU
TRANSAKSI SYER	
Syarat 30% ekuiti Bumiputera secara terus semasa pengapungan.	<ul style="list-style-type: none"> • Dimansuhkan. • Diganti dengan syarat 50% daripada 25% tebaran awam (<i>public spread</i>) diperuntukkan kepada Bumiputera yang diiktiraf oleh MITI.
Syarat meningkatkan semula pegangan ekuiti Bumiputera ke paras 30% bagi cadangan Korporat selepas pengapungan.	<ul style="list-style-type: none"> • Hanya pengambilalihan berbalik (<i>reverse-take-over</i>) dan <i>backdoor listing</i> akan dikenakan syarat ekuiti.
Syarat 30% ekuiti Bumiputera dikenakan di peringkat setiap syarikat.	<ul style="list-style-type: none"> • Syarat dikenakan di peringkat makro iaitu melalui penglibatan dalam sektor pertumbuhan
FIC memproses transaksi syer dan syarat ekuiti dikenakan bagi semua sektor.	<ul style="list-style-type: none"> • Dimansuhkan. Semua transaksi tidak memerlukan kelulusan FIC. • Hanya sektor strategik yang mempunyai kepentingan negara akan dikawalselia oleh agensi Kerajaan berkaitan

- Semua Bumiputera juga digalakkan untuk melanggan saham-saham khas Bumiputera yang tertakluk di bawah pengiktirafan MITI. Pelabur-pelabur atau syarikat-syarikat Bumiputera yang berminat bolehlah mendaftar sebagai pelabur Bumiputera di MITI dan melayari laman web MITI di www.miti.gov.my bagi mendapatkan maklumat mengenai saham-saham yang boleh dilanggan.

- Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Nama : Encik Mohamed Azriza Abdul Karim / Encik Mohd Ramzi Ismail
 Tel : (03) 6203 4684 / 6203 4695
 Faks : (03) 6201 2302

PROGRAM OUTREACH MIDA

- MIDA dan SMIDEC akan menganjurkan “Dialog Pelaburan dan Perdagangan dan Seminar Pelaburan Dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan Wilayah Selatan”. Dialog dan seminar adalah seperti berikut:
- Objektif utama seminar ini adalah untuk:-

Tarikh : 20–21 Julai 2009
(Isnin-Selasa)

Tempat : Persada Johor
International Convention Centre

Masa : 10.00 pagi – 5.30 petang

- memberi maklumat terkini mengenai polisi Kerajaan, insentif dan kemudahan dan perkhidmatan sokongan khusus bagi sub-sektor industri pemprosesan makanan; dan
 - menyediakan platform untuk pertumbuhan perniagaan bagi membina jalinan perhubungan dengan agensi Kerajaan dan komuniti perniagaan yang berkaitan.
- Sembilan kertas kerja akan dibentangkan dan antaranya ialah mengenai peluang pelaburan dalam industri pemprosesan makanan, inisiatif Kerajaan dalam mempertingkatkan industri ini, insentif untuk industri halal, peluang eksport dan juga perkongsian pengalaman oleh syarikat dalam industri ini.
 - Syarikat yang berminat untuk menyertai kedua-dua program ini boleh mendapatkan borang penyertaan melalui laman web MIDA di www.mida.gov.my. Borang penyertaan seminar hendaklah dihantar melalui faks atau e-mel kepada Bahagian Penggalakan Pelaburan Tempatan seperti berikut:

Tel : 03-2267 3413
Fax : 03-2274 3120

Nama/E-mel

No. Telepon

- | | |
|--|--------------|
| (i) Puan Zuraini Mustapha/
zuraini@mida.gov.my | 03-2267 3501 |
| (ii) En. Amirul Jamaludin /
amirul@mida.gov.my | 03-2267 3411 |

- Sembilan belas (19) kertas kerja akan dibentangkan dan antaranya ialah mengenai perjanjian perdagangan bebas, peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, peluang perniagaan di Wilayah IRDA dan juga kemudahan dana dan pinjaman yang disediakan oleh Agensi Kerajaan dan Institusi Kewangan. Pada bulan Ogos, MIDA juga akan menganjurkan “Seminar Industri Pemprosesan Makanan” yang dijadualkan seperti berikut:

Tarikh : 5 Ogos 2009 (Rabu)

Tempat : Vistana Hotel, Kuantan

Masa : 8.00 pagi – 5.30 petang



Seminar on the Food Processing

Seminar Industri Pemprosesan Makanan

FROZEN FOOD MARKET IN THE NETHERLANDS

- In Dutch market, frozen food is usually available at the food aisle of convenience segment, along with products like pizzas, microwave dinners and snacks. 'Fresh' microwave dinners are gaining popularity in the market.
- According to data provided by the Port of Rotterdam, by far the largest entry point in the Netherlands for refer containers, total imports of frozen food (bulk as well as consumer packaging) in 2008 amounted to a volume of 250,000 tonnes with a value of 740 million euro (approx. USD 941 million).
 - The breakdown of all retail frozen food items sold in the Netherlands for 2008 is as follows:

Product	Market Share (%)
Ice-cream	20
Snacks	19
Pizza	16
Fish	12
Meat/game/poultry	11
Potato based	8
Vegetables	7
Pastry	3
Microwave dinners	2
Pet food	0.5
Soups	0.5
Other frozen food	1

- Malaysian exporters of frozen food wishing to enter the Dutch market, have to deal with wholesale companies, which usually act as importer and supplier to local grocery stores and supermarkets.
- Product quality is the key to successful entry into the EU market. The Dutch market is mostly governed by EU food safety rules, which entail high quality products. Compliance with the health and food safety legislation is a must for gaining market access. Frozen food manufacturers could refer to the Council Directive 89/108/EEC and Commission Directive 92/1/EC, concerning the rules related to monitoring the temperature of quick-frozen foods. More details about the EU directives are available at the website <http://europe.eu.int/eur-lex> .

- Besides, all food products must be HACCP certified. HACCP (Hazard Analysis of Critical Control Points) has been developed to minimise the risk of contamination of food products during processing. It has been widely adopted as a system for food safety control.
- Food product producers must also adhere to strict regulations regarding packaging and labeling. For frozen food, there are additional demands for information which should be contained in the product information label.
- For more information and enquiries:

MATRADE Rotterdam
 Name: Mrs. Rusiah Mohamed,
 Trade Commissioner
 Tel: +631-010-462 7759
 Fax: +631-010-462 7349
 HP No.: +631-653-164 033
 Email: rotterdam@matrade.gov.my

MATRADE HQ
 Name: Mr. Muhd Hairi Zainal Abidin,
 Assistant Manager
 Tel: 03-6207 7228
 Fax: 03-6203 7187
 Email: hairi@matrade.gov.my

Tea Talk on Personal Marketing Strategies for Business Success

- MATRADE organized a Tea Talk entitled "Personal Marketing Strategies for Business Success" on 4 June 2009. The guest speaker, Ms. Paula Smith, Director from Studio West is an Australian facilitator licensed by Springboard (international award winning women's development programme). She has been actively involved in training for the past 20 years.
- The objective of this programme is to highlight participants on the importance of personal marketing. There have been numerous seminars on marketing conducted which majority of it still do not specify the importance of personal marketing to succeed in business.
- The programme was attended by a total of 37 participants from 34 companies under Bumiputera Exporters Development Programme (BEDP) and Women Exporters Development Programme (WEDP) MATRADE.

total imports of frozen food (bulk as well as consumer packaging) in 2008 amounted to a volume of 250,000 tonnes with a value of 740 million euro

- Among the topics covered:-
 - What is Professional Image;
 - Your Image and Business Success;
 - Personal Branding;
 - Building Long-Term Business Relationships;
 - The Win Win Strategy;
 - Power of Networking; and
 - Confidence To Put Yourself Forward.

• All companies expressed their satisfaction with the talk organized and benefit a lot from it. The knowledge they gained will be implemented in their daily business operations.



Ms. Paula Smith answering questions from participants in Q&A session

MIDF MEMBANTU PRODUK DAN PERKHIDMATAN BUATAN MALAYSIA DIPASARKAN KE PERINGKAT ANTARABANGSA

- MIDF melaksanakan Skim Pinjaman Mudah Bagi Penjenamaan Antarabangsa (SLSIB) adalah bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat dan entrepris-entrepris tempatan mempertingkatkan daya saingan produk buatan Malaysia serta perkhidmatan yang disediakan ke pasaran antarabangsa.
- Skim pembiayaan ini terbuka kepada syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:
 - Syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 atau perkongsian-perkongsian perniagaan dan tuannya tunggal yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan dan terlibat dalam perkhidmatan profesional;
 - sekurang-kurangnya 60% ekuiti dipegang oleh rakyat Malaysia;
 - pemohon adalah pemilik cap dagangan yang berdaftar;
 - nilai jualan tahunan tidak kurang daripada RM5 juta; dan
 - mempunyai rekod jualan sekurang-kurangnya 3 tahun di mana sekurang-kurangnya 20% daripada jualan tahunan bagi tahun kewangan yang lalu adalah jualan eksport.
- Jumlah pinjaman maksimum adalah sehingga RM5 juta dan jumlah pinjaman minimum adalah sebanyak RM50,000. Peratusan pembiayaan adalah sehingga 100% daripada jumlah perbelanjaan yang layak dibiayai. Manakala, tempoh bayaran balik adalah sehingga 4 tahun termasuk tempoh tangguh bayaran balik pinjaman sehingga 12 bulan. Kadar faedah pinjaman adalah 4% setahun mengikut kiraan atas baki tahunan.
- MIDF boleh membantu syarikat dan enterpris melaksanakan rancangan penjenamaan dan penjenamaan semula, menubuhkan saluran pengedaran di luar negara, menyertai pameran-pameran perdagangan antarabangsa, mengambilalih jenama asing dan rangkaian pengedaran di luar negara untuk mempromosikan barangan jenama Malaysia dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pengiklanan dan promosi di luar negara.
- Usahawan Bumiputera adalah digalakkan untuk memohon kemudahan pinjaman ini supaya dapat membantu mempromosikan barangan dan perkhidmatan mereka di luar negara.
- Pertanyaan dan permohonan boleh dikemukakan terus ke pejabat MIDF di ibu pejabat.

IBU PEJABAT

Tingkat 15, Menara MIDF
82, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Peti Surat 12110
50939 Kuala Lumpur

Tel: 03-2173 8888 / 03-2173 8605 / 03-2173 8609 / 03-2173 8613

Fax No.: 03- 2772 1911/ 2173 8611

Email: inquiry-feedback@midf.com.my

SEMINAR PENINGKATAN DAYA SAING USAHAWAN WANITA DAN MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) PENGURUSAN KUALITI MENYELURUH (TQM), DI SARAWAK

- Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan Seminar Peningkatan Daya Saing Usahawan Wanita 2009 di Kuching pada 26 Jun 2009.
- Di majlis yang sama, diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Syarikat Contoh Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) untuk Pengusaha Kek Lapis Sarawak dan MPC. Seramai 100 usahawan tempatan telah menghadiri program ini.
- Program ini dirasmikan oleh Y. B Datin Hajjah Fatimah Abdullah, Menteri Muda di Pejabat Ketua menteri (Sumber Manusia dan Latihan), merangkap Menteri Muda Pertanian (Ekonomi Rumah Tangga dan Latihan). Majlis ini turut dihadiri oleh Y.B Hajjah Nancy Haji Syukri, Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak dan Ketua Pengarah MPC, Dato' Nik Zainiah Nik Abd. Rahman.



Dato' Hazimah, Presiden Peniagaawati di Majlis Menandatangani MoU diantara Syarikat-syarikat Pengusaha Kek Lapis dan MPC

- Antara pembentang kertas kerja ialah Dato' Hazimah Zainuddin, Presiden Peniagaawati, Dato' Azlin Shaharbi, Timbalan Presiden Peniagaawati, Tengku Auvaroza Tengku Abraham, Ketua Pegawai Eksekutif, Ti Hosa Holdings Sdn. Bhd.
- Tajuk kertas-kertas kerja adalah seperti berikut:
 - Kertas 1: Strategy for the Sustainability & Survival Of Business- Oleh Y.Bhg Dato' Hazimah Zainuddin, Presiden Peniagaawati

- Kertas 2: Aspek Undang-Undang untuk Menentukan Kejayaan Perniagaan – Oleh Y.Bhg. Dato' Azlin Ahmad Shaharbi, Timb. Presiden (1), Peniagaawati

- Kertas 3: Bagaimana Menjadi Usahawan Berdaya Saing – Oleh Y.M Tengku Auvaroza Tengku Abraham, CEO, Ti Hosa Holdings Sdn. Bhd.

- Lima syarikat atau Pengusaha Kek lapis Sarawak yang terpilih untuk projek Syarikat Contoh TQM ialah Dayang Salhah Enterprise Rabiah Amit Cake House, Mariam Cakes, Mama Bakery Sdn. Bhd dan D'Rieza Enterprise.

- Projek TQM ini bertujuan membangunkan perniagaan dan sistem kualiti Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS), terutama syarikat Bumiputera. Di samping itu juga, ia bertujuan mengukuh dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mereka.

- Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Nama : Tuan Haji Omar Othman /
Encik Zaki Jaafar
Tel : (03) 7955 7266 / 7050
Faks : (03) 7955 1824



Pengusaha Kek Lapis Sarawak bergambar bersama Y.B. Datin Hajjah Fatimah Abdullah, Y.Bhg. Dato' Nik Zainiah Nik Abdul Rahman & Y. Berusaha Encik Abdul Latif Haji Abu Seman

MoU antara Syarikat-syarikat Pengusaha Kek Lapis dan MPC

KONVENSYEN PROGRAM USAHAWAN MUDA (PUM) PERINGKAT NASIONAL KE-13

**pengiktirafan
kepada pelajar-
pelajar, guru-
guru dan agensi
pelaksana yang
terlibat di
Peringkat
Nasional**

• Konvensyen PUM Peringkat Nasional Ke-13 telah dianjurkan oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dan dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis selaku tuan rumah dan diadakan di Dewan Besar, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis pada 26 hingga 29 Jun 2009. Penglibatan peserta seramai 603 orang adalah terdiri daripada 82 orang bagi Pegawai Agensi Pelaksana, 81 orang bagi guru pembimbing dan 440 orang bagi para pelajar. Sebanyak 84 buah sekolah dari seluruh Malaysia menyertai konvensyen pada tahun ini.

• Majlis Perasmian Pembukaan Konvensyen PUM Ke-13 telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Kamaruddin bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), MITI pada 26 Jun 2009. Manakala Majlis Perasmian Penutup Konvensyen PUM telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis pada 28 Jun 2009.



Dato' Kamaruddin bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri) ketika Perasmian Pembukaan

• Majlis Perasmian Penutup ini turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Y.Bhg. Dato' Kamaruddin bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), MITI.

• Konvensyen PUM Peringkat Nasional merupakan acara tahunan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar, guru-guru dan agensi pelaksana yang terlibat di peringkat Nasional melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan. Selain dari pertandingan, penganjuran Konvensyen ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan juga guru-guru pembimbing dari semua negeri untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat mengenai aktiviti-aktiviti keusahawanan di sekolah masing-masing.

• Matlamat utama program ini adalah untuk:-

- memupuk dan membentuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar sekolah supaya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;
- meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk membolehkan para pelajar memulakan perniagaan dengan berkesan; dan
- menyediakan peluang pembelajaran latihan keusahawanan secara praktikal (hands-on).

• Sebanyak lapan kategori anugerah telah dipertandingkan iaitu:-

- Anugerah Syarikat Terbaik
 - Syarikat Generation Sanguine Sdn. Bhd. (SMK Gombak Setia, Selangor)
- Anugerah Produk Terbaik
 - Smart X-Light (Syarikat X-Treme Sdn. Bhd.) (SMK Jugra, Banting, Selangor)
- Anugerah Perkhidmatan Terbaik
 - Melobrate (Permainan Muzik) Syarikat Smartech Segamat (SMK Teknik Segamat, Johor)
- Anugerah Persembahan Terbaik
 - Syarikat Empiris Sdn. Bhd. (MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka) (Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bharu, Johor)

v) Anugerah Pengurus Terbaik

- Muhamad Fair bin Erfan (Generation Sanguine Sdn. Bhd.) (SMK Gombak Setia, Selangor)

vi) Anugerah Guru Pembimbing Terbaik

- Puan Siti Zubaidah binti Mohamad Ali (SMK Penanti, Bukit Mertajam, Pulau Pinang)

vii) Anugerah Pengetua Terbaik

- Tuan Haji Zulkipli bin Haji Mahmud

viii) Anugerah Pelaksana Terbaik (Anugerah Khas PUM)

- Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

- Antara aktiviti yang turut dijalankan sepanjang Konvensyen PUM Peringkat Nasional ini ialah Persembahan Syarikat, Kuiz Keusahawanan, Catur Bistari, Biz Race, Seminar Keusahawanan dan sesi lawatan ke taman awam yang terletak di Perlis. Bagi Sesi Perkongsian Pengalaman, Tuan Haji Nassaruddin bin Shukor, Pengurus Besar, KFC Marketing Sdn Bhd. telah berkongsi pengalaman dengan para peserta konvensyen.

- Sebagai contoh Bank Kerjasama Rakyat telah mengambil semua produk kraf Kuala Kangsar dan dipromosikan menerusi semua cawangan Bank Rakyat di seluruh Malaysia.



Para Pemenang bersama DYT M Tuanku Syed faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Y.B. Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri MITI, dan Y.Bhg. Dato' Kamaruddin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Industri), MITI

PROGRAM SATU DAERAH SATU INDUSTRI (SDSI)

- Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) yang dilaksanakan adalah berkonsepkan pembangunan produk atau perkhidmatan yang beridentitikan satu daerah yang dihasilkan secara komersil untuk menarik minat pelancong ke sesuatu daerah tersebut. Ia menjurus ke arah pembangunan budaya masyarakat kreatif dan berinovasi sekaligus memupuk keharmonian bermasyarakat melalui aktiviti sosio-ekonomi secara komuniti. Konsep baru dilaksanakan pula berorientasikan model perniagaan yang lebih berdaya tahan dan berdaya maju serta mempunyai rantaian nilai tambah yang tinggi untuk mendapat manfaat sepenuhnya.
- Dalam usaha memajukan industri kampung atau desa menerusi SDSI yang diketuai oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, selaku Urusetia Induk Program SDSI di Peringkat Kebangsaan, MITI bertanggungjawab sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pemasaran dan Promosi serta Jawatankuasa Kerja Pembangunan Keusahawanan yang berperanan untuk membangunkan usahawan SDSI dari segi latihan

dan kemahiran serta aspek pemasaran produk SDSI termasuklah pembangunan kualiti dan pengukuhan produk, pengiklanan, promosi dan pemasaran produk.



Gerai Negeri Terengganu di Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

- Selaras dengan peranan MITI membangunkan program Pemasaran dan Promosi SDSI, MITI telah dan sedang mengambil pelbagai pendekatan bagi mempergiatkan lagi aktiviti pemasaran dan promosi dalam membantu memperluas pasaran produk SDSI di peringkat domestik dan antarabangsa seperti berikut:

- Showcase SDSI:

Penganjuran pameran tahunan terbesar sejak tahun 2006 yang menghimpunkan produk dan perkhidmatan SDSI dari seluruh Malaysia dalam usaha untuk memasarkan dan mempromosikan keluaran SDSI di peringkat global.

- Program 'Produk Champion' SDSI:

Program ini bertujuan untuk membangunkan satu mekanisme holistik ke arah keunggulan penjanamaan produk SDSI. Ia membangunkan lima (5) Produk Champion di bawah jenama Mavors (Malaysian Flavours) dalam bidang makanan dan minuman iaitu kerepek, jus minuman, sos, makanan sejuk beku dan ikan pekasam daripada beberapa daerah terpilih serta mewujudkan rangkaian pemasaran produk Champion sehingga ke peringkat global. Ia dilaksanakan secara berperingkat mengikut empat (4) fasa yang terdiri daripada penilaian dan pengumpulan produk, pembangunan produk, promosi dan pemasaran produk Champion di peringkat domestik dan antarabangsa serta penilaian impak dan pemantauan terhadap keberkesanan pelaksanaan program.

- Program Daerah Angkat Agensi:

Sebelum pembubaran MECD, program ini telah melibatkan kesemua agensi-agensi di bawah MECD menerusi pengambilan beberapa daerah yang dikenal pasti seperti Kuala Langat, Kuala Kangsar, Kuala Terengganu,

Muar, Tumpat, Papar dan Batu Pahat sebagai Daerah Angkat.

Sebagai contoh Bank Kerjasama Rakyat telah mengambil semua produk kraf Kuala Kangsar dan dipromosikan menerusi semua cawangan Bank Rakyat di seluruh Malaysia. Di bawah Kementerian yang baru, program ini akan melibatkan agensi-agensi di bawah MITI bagi tahun 2009.



Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam merasmikan Program SDSI di Melaka

- Program Kerjasama GLC:

Program SDSI perlu diberi perhatian oleh semua pihak terutama GLCs dan swasta. Menyedari akan hakikat ini, MECD telah menandatangani dokumen persefahaman dengan beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) sewaktu penganjuran Showcase SDSI 2007. Ia adalah bertujuan untuk menaja dan membangunkan sesuatu daerah melalui industri terpilih sebagai menjalankan obligasi sosial atau *corporate social responsibility*.

Bagi tahun 2009, MITI merancang untuk meneruskan program ini dengan penglibatan lebih banyak GLCs .

Produk Champion di bawah jenama Mavors dalam bidang makanan dan minuman iaitu kerepek, jus minuman, sos, makanan sejuk beku dan ikan pekasam

- Pusat Pameran & Jualan Produk SDSI

Pusat yang bertempat di Kompleks Fashion City, Ayer Keroh, Melaka ini bertujuan untuk menghimpunkan pelbagai produk/perkhidmatan SDSI dari seluruh negara di bawah satu bumbung. Penubuhan Pusat ini membolehkan usahawan SDSI mempromosi, mempamer dan menjual produk/perkhidmatan SDSI di premis tetap dan bukan hanya menerusi penganjuran Showcase SDSI yang dianjurkan setahun sekali. Ia juga membolehkan pembeli perdagangan, orang ramai serta pelancong asing untuk mendapatkan keluaran SDSI dengan mudah serta menjadi salah satu destinasi pelancongan di Melaka dan Malaysia, amnya.

- Cadangan tarikh pelaksanaan program:

Tarikh : Disember 2009

Tempat : Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka

- Pegawai penyelia program yang boleh dihubungi adalah:

1. Cik Johanna Bte. Zainal Abidin
No. Tel: 03-88805283
Email: johanna@miti.gov.my

2. En. Mohd Marruan Bin Mohamad Sabu
No. Tel: 03-88805310
Email: mmarruan@miti.gov.my

3. promosi@miti.gov.my

- Ringkasan Data Statistik Program SDSI (sehingga 31 Januari 2009)

- Bilangan Pengusaha = 3,692*
- Bilangan Produk = 832*

* Perincian

- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (405 pengusaha / 394 produk)
- Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan (477 pengusaha / 138 produk)
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (527 pengusaha / 106 produk)
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2283 pengusaha / 194 produk)

- Pengusaha dan bilangan produk mengikut negeri:

BIL.	NEGERI	BIL. PENGUSAHA	BIL. PRODUK
1	PERLIS	64	40
2	KEDAH	352	69
3	P.PINANG	235	41
4	PERAK	323	44
5*	SELANGOR	485	52
6	N.SEMBILAN	276	99
7	MELAKA	209	97
8	JOHOR	449	61
9	PAHANG	274	50
10	TERENGGANU	252	41
11*	KELANTAN	437	82
12	SABAH	125	77
13	SARAWAK	150	76
14	W.P LABUAN	61	3
JUMLAH		3692	832

- * negeri melibatkan pengusaha tertinggi = Selangor
- * negeri melibatkan produk tertinggi = Kelantan

- Pengusaha dan produk mengikut industri:

BIL.	INDUSTRI	BIL. PENGUSAHA	BIL. PRODUK
1*	MAKANAN	579	429
2	KRAF	778	168
3*	HOMESTAY	2,283	194
4	PRODUK KESIHATAN	38	38
5	PERKHIDMATAN	14	3
JUMLAH		3,692	832

- * Industri Homestay mencatatkan bilangan pengusaha tertinggi
- * Industri Makanan mencatatkan jumlah usahawan tertinggi

PROGRAM DAN AKTIVITI AGENSI MITI UNTUK BUMIPUTERA

NO.	TAJUK KURSUS	TARIKH	TEMPAT
(I)	PROGRAM MPC		
1.	Kem Kualiti - Modal Insan Kompetitif	24 - 26 Julai 09	Pulau Pangkor
2.	Quality Improvement Camp	25 - 27 Julai 09	Pulau Pangkor
3.	Managing for result : using KPIs to Achieve Breakthrough Performance	28 - 29 Julai 09	Johor Bharu
4.	Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) Yang Efektif	28 - 29 Julai 09	Petaling Jaya
(II)	PROGRAM SMIDEC		
5.	Malaysian Brand Seminar	28 Julai 09	Kuala Terengganu, Terengganu
(III)	PROGRAM MIDA		
6.	Seminar Industri Pemprosesan Makanan	5 Ogos 2009	Vistana Hotel, Kuantan
(IV)	PROGRAM MATRADE		
7.	International Halal Product Expo 2009	30 Julai - 2 Ogos 09	Bandar Seri Begawan, Brunei
8.	Furniture & Accessory Market 2009	21-23 Ogos 09	Orlando, USA
9.	Las Vegas Market	14-17 Sept 09	Las Vegas, Nevada, USA